



Ruj Kami: MPHM/PEKELILING AHLI/( 02 )2018  
Ruj Tuan:  
Tarikh : 12 Oktober 2018

Dato/Datin/Tuan/Puan,  
Ahli MPH M yang di hormati sekalian.

### **SIJIL KEAHLIAN TAHUNAN ( SKT ) 2019 ( ANNUAL MEMBERSHIP CERTIFICATE (AMC) 2019 )**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan ,mesyuarat Lembaga Eksekutif Bil 0.2/ sesi 2018-2020 pada 30 September 2018, telah membuat keputusan untuk mengeluarkan sijil tersebut setiap tahun mulai 2019.

3. Tujuan pengeluarannya adalah sebagai pengesahan Dato/Datin/Tuan/Puan adalah ahli badan pengamal yang di lantik oleh Majlis Perubatan Tradisional dan Komplimentari, Kementerian Kesihatan Malaysia (MPTK, KKM).

#### 3.1 Sijil ini :

a.) Akan diguna pakai semasa pendaftaran wajib pengamal homeopathy dengan pihak MPTK, KKM apabila fasa ke 2 penguatkuasaan Akta Perubatan Tradisional dan Komplimentari, Akta 775 nanti. Pengumuman pendaftaran wajib pengamal akan di umumkan oleh pihak MPTK, KKM.

#### *“Bahagian XI 63*

*Seksyen (2) Mana-mana daftar pengamal yang di simpan dan disenggarakan oleh badan pengamal sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah pada permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan sebagai daftar yang di simpan dan disenggarakan dibawah seksyen 19 dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada daftar pengamal.”*

*“Seksyen(3) Mana-mana pengamal yang berdaftar dengan badan pengamal yang sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini menjalankan atau melaksanakan fungsinya sebagai sebuah badan yang mengawal bidang amalan hendaklah memohon untuk didaftarkan di bawah Akta ini dan hendaklah di kecualikan daripada seksyen 22.”*

b) Akan digunakan untuk semua urusan dengan pihak perbandaran dan kerajaan tempatan atau pihak berkuasa yang lain untuk urusan penyelenggaraan premis homeopathy.

4. Pengeluaran sijil ini adalah tertakluk kepada pembayaran yuran tahunan ahli semasa dan yuran tahunan ahli yang masih belum di jelaskan. Diharap ahli dapat merujuk kepada pihak Pejabat Sekretariat MPH M untuk mengetahui dan mengemas kini status data pembayaran yuran tahunan ahli.


5. Selepas yuran tahunan ahli dijelaskan, sijil akan di keluarkan. Tiada bayaran untuk sijil. hanya yuran Pos sahaja sebanyak RM10.00. Tambahan RM5.00 dikenakan juga sekiranya sijil tersebut hendak di laminatekan.

6. Sijil ini akan di keluarkan mulai 1hb November 2018.

Diharap semua ahli prihatin dengan perkara ini. Marilah kita bersama mencapai kejayaan yang lebih cemerlang profesyen kita .

Sekian. Terima Kasih.

Yang Benar



Zainul Azmi bin Ahmad  
Presiden  
Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia.

Sk. 1. Setiausaha Agung Kehormat  
Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia.

2. Bendahari Kehormat  
Majlis perubatan Homeopathy Malaysia